



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**15 Oktober 2020**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan PD buat laporan polis, minta perhatian Anwar</li><li>• Penternak rugi RM100,00</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• PPM selamat tiga nelayan hanyut</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• 60,000 ikan dihanyut bah, rugi RM100,000</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	11	15/10/2020	

## Nelayan PD buat laporan polis, minta perhatian Anwar

**PORT DICKSON:** Ekoran kejadian tumpahan minyak di Pantai Cermin, Batu 10 dekat sini kelmarin, Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson membuat laporan polis bagi menuntut pampasan daripada pihak bertanggungjawab yang menyebabkan pencemaran tersebut.

Pengerusinya, Mohd. Zulkifli Mohd. Tajb berkata, akibat kejadian tumpahan minyak tersebut, nelayan tidak dapat turun ke laut dan pihaknya menjangkakan kesan pencemaran tersebut akan mengambil masa untuk kembali pulih sedia ada dan keadaan itu pasti menjejaskan mata pencarian para nelayan.

"Kami membuat laporan polis bagi menuntut ganti rugi kerana pendapatan kami memang terjejas. Buat masa ini, kami tunggu dan lihat kerana tidak boleh turun ke laut.

"Apabila terjadi seperti ini kami memang tidak boleh turun ke laut dan memang tiada pendapatan dalam jangka masa berbulan. Jika boleh, kerajaan dapat berikan bantuan bagi menampung kehidupan sehingga kesan tumpahan minyak itu selesai," katanya ketika ditemui



**MOHD. Zulkifli Mohd. Tajb** menunjukkan laporan polis yang dibuat pihaknya berhubung insiden tumpahan minyak di Pantai Cermin, Batu 10 dekat Port Dickson, Negeri Sembilan yang didakwa turut menjejaskan mata pencarian para nelayan. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

*Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Mohd. Zulkifli turut memohon perhatian daripada wakil rakyat termasuk Ahli

Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung masalah yang kini sedang dihadapi oleh nelayan di daerah ini.



**ABDUL AZIZ MD. YUNUS**

"Saya harap beliau juga ambil maklum dan perhatian dengan kejadian yang menimpa nelayan ketika ini. Berilah bantuan sepatutnya kepada nelayan-nelayan terjejas.

"Banyak lagi isu yang sering dihadapi oleh para nelayan di Port Dickson, jadi dengan bantuan dan perhatian daripada pihak berwajib termasuk wakil-wakil rakyat dapat sedikit-sebanyak melegakan kami," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Abdul Aziz Md. Yunus, 64, berkata, akibat tumpahan

minyak tersebut dia tidak mendapat sebarang hasil walaupun tiga jam turun ke laut.

"Cuba bayangkan, turun ke laut selama tiga jam tetapi tiada ikan yang sangkut lagi hampa, separuh jaring rosak terkena minyak yang melekat. Kadang kala ada juga anak-anak ikan yang dapat namun semalam memang tiada langsung.

"Disebabkan tumpahan minyak itu jaring saya sudah berbau minyak dan terpaksa cuci semula jaring tersebut," katanya yang turut berharap ada pihak yang boleh memberikan bantuan kepada nelayan yang terjejas.

Dalam pada itu, Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip ketika dihubungi menjelaskan, pihaknya tiada halangan untuk nelayan ke laut kerana tidak semua lokasi perairan di Port Dickson tercemar.

"Tiada halangan untuk nelayan ke laut kerana tak semua kawasan perairan Port Dickson yang tercemar. Namun jika pencemaran minyak itu masih ada memang dikhawatiri akan menjejaskan hasil tangkapan dan juga merosakkan pukol yang mereka labuhkan," ujarnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	15/10/2020

UM M/S 29 15/10/2020

# Penternak rugi RM100,000

Oleh Zaid Mohd. Noor  
zaid.noor@malaymail.com.my

**KUBANG PASU:** Seorang pengusaha kolam ternakan ikan kerugian kira-kira RM100,000 dalam kejadian banjir melanda kawasan Felda Batu 8 dekat sini kelmarin.

Pengusaha kolam ternakan ikan itu, Md. Sabri Hasan, 60, berkata, sebanyak 60,000 ikan tilapia dan puyu yang baru diternak tiga minggu lalu terlepas keluar selepas ditenggelami banjir pada pukul 8.30 pag.

Menurutnya, kawasan seluas kira-kira dua hektar itu mempunyai enam kolam dan dinaiki air sedalam 1.5 meter selepas hujan lebat bermula pukul 3 pagi.

Katanya, kawasan tersebut dilanda banjir apabila tiga saluran pembentung di kawasan itu tidak dapat menampung limpahan air dari Bukit Telipong di sini ekoran hujan lebat.

"Sebanyak 60,000 benih ikan itu baru dimasukkan ke dalam tiga kolam dan saya merancang untuk menambah jumlah ikan

dari semasa ke semasa pada tiga lagi kolam.

"Ikut perancangan, ikan yang diternak itu boleh dipasarkan awal Disember ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Md. Sabri yang juga Pengerus LMC Bemban Enterprise berkata, dia mengusahakan projek ternakan ikan itu dengan kerjasama Koperasi Felda Batu 8 Berhad.

Kata beliau, syarikatnya dan koperasi itu merancang menjadikan sebahagian ikan tilapia yang diternak diproses menjadi

ikan pekasam sebelum dipasarkan.

Sementara itu, pengurus koperasi, Datuk Samsudin Ahmad berkata, pihaknya akan meneruskan projek ternakan ikan tersebut dengan memasukkan benih ikan baharu selepas ini.

"Bagaimanapun projek ternakan itu akan diusahakan semula selepas pihak Felda melakukan kerja-kerja menaik taraf saluran pembentung tersebut bagi mengelakkan kejadian banjir berulang.



SAMSUDIN Ahmad (kanan) menenangkan Md. Sabri Hasan yang mengalami kerugian kira-kira RM100,000 selepas lebih 60,000 ikan jenis tilapia dan puyu yang diternaknya dihanyutkan air dalam kejadian banjir di Felda Batu 8, Kubang Pasu, Kedah, kelmarin.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		7	15/10/2020



TIGA nelayan yang diselamatkan di perairan Karambunai.

## PPM selamat tiga nelayan hanyut

**Kota Kinabalu:** Tiga nelayan diselamatkan Pasukan Polis Marin (PPM) selepas bot dinaiki mereka mengalami kerosakan enjin di perairan Karambunai, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 12 tengah hari, operasi mencari dan menyelamat (SAR) dijalankan selepas Pusat Kawalan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu menerima laporan berhubung kejadian.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Kota Kinabalu, Asisten Superintendan Enturan Lageh berkata, sebuah bot ronda PPM dikerah menjalankan

operasi pencarian.

Katanya, bot nelayan ditemui di perairan laut Karambunai iaitu 12.6 batu nautika dari pangkalan PPM Kota Kinabalu.

"Ketiga-tiga nelayan berusia 30 hingga 40-an itu berasal dari Kampung Lok Urai, Pulau Gaya dan ditemui selamat.

"Mangsa memaklumkan bot mereka mengalami kerosakan enjin sejak jam 1.30 pagi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Enturan berkata, pasukan bot ronda PPM menunda bot nelayan berkeinginan kembali ke Kampung Lok Urai, Pulau Gaya.

H/M M/S 7 15.10.2020

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	18	15/10/2020



MD. SABRI menunjukkan kolam ternakan ikan tilapia dan puyu miliknya yang ditenggelami banjir kelmarin ketika ditemui di Felda Batu Lapan, Changlun dekat Jitra semalam.

Pengusaha kolam tilapia, puyu berputih mata

# 60,000 ikan dihanyut bah, rugi RM100,000

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**JITRA** - Seorang pengusaha kolam ternakan ikan di Felda Batu Lapan, Changlun dekat sini rugi hampir RM100,000 selepas lebih 60,000 ikan tilapia dan puyu dihanyut air dalam kejadian banjir kelmarin.

Md. Sabri Hasan, 60, berkata, kawasan yang menempatkan enam kolam ternakan ikan itu ditenggelami air sedalam lebih satu meter kira-kira pukul 8.30 pagi selepas hujan lebat berterusan selama kira-kira lima jam.

"Keadaan itu mengakibatkan puluhan ribu ikan yang baru dimasukkan tiga minggu lalu terlepas keluar dari kolam ke saluran air," katanya semalam.

Menurutnya, dia yang merupakan Pengurus LMC Bemban

Enterprise baru sahaja memulakan projek itu dengan usaha sama Koperasi Felda Batu Lapan Berhad melibatkan modal sendiri kira-kira RM150,000 pada September lalu.

"Lebih 60,000 benih ikan dimasukkan ke dalam tiga kolam pada 21 September lalu dan tuaian dijangka pertama pada Disember depan.

"Kejadian itu mengakibatkan saya menanggung kerugian hampir RM100,000 melibatkan kehilangan ikan serta kerosakan pam dan makanan ikan," ujarnya.

Menurut Md. Sabri, kejadian banjir berpunca daripada hujan lebat sehingga mengakibatkan limpahan air dari Bukit Telipong.

"Kawasan kolam ternakan ini dilanda banjir secara mendadak apabila limpahan air lambat

mengalir keluar kerana saluran air atau pembedung di kawasan ini terlalu kecil," katanya.

Ujarnya, dia terpaksa menangguhkan projek tersebut buat sementara waktu sehingga pihak Felda menaik taraf pembedung di situ terlebih dahulu.

"Saya bimbang akan berputih mata lagi jika banjir berulang lagi," jelasnya.

Pengerusi Koperasi Felda Batu Lapan Berhad, Datuk Samsuddin Ahmad berkata, Felda sedang menaik taraf tiga daripada lima saluran pembedung di kawasan berhampiran kolam tersebut.

"Saya akan mencadangkan supaya kerja naik taraf itu turut melibatkan dua pembedung yang terlalu kecil untuk mengalirkan limpahan air di kawasan ini," katanya.